

BPR tingkat kerjasama

BH 21 JUL 2000

BADAN Pencegah Rasuah (BPR) akan meningkatkan kerjasama dengan agensi kerajaan di pelbagai peringkat termasuk orang awam bagi membanteras amalan rasuah.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Noh Omar, berkata tindakan itu tidak menumpukan terhadap penguatkuasaan hukuman semata-mata, sebaliknya untuk mewujudkan kesedaran di kalangan rakyat.

"BPR kini sedang mengenal pasti jabatan kerajaan tertentu bagi mewujudkan kerjasama terancang untuk membendung amalan rasuah, salah guna kuasa serta

penyelewengan secara proaktif.

"Setakat ini, dua memorandum persefahaman (MoU) iaitu dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) pada 28 Mac lalu dan pihak polis pada 1 Jun lalu bagi pembentukan jawatankuasa bersama menangani rasuah," katanya menjawab soalan Datuk Abu Seman Yusop (BN-Alor Gajah).

Selain itu, kata Noh, kerajaan turut menubuhkan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) selaras dengan arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Huraian Perdana Menteri No: 1,

tahun 1998.

Katanya, jawatankuasa itu akan menerima laporan pelbagai agensi kerajaan dan memberi maklum balas kepada Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Pengurusan Kerajaan yang dipengerusikan Dr Mahathir sendiri.

Bagaimanapun, Noh berkata, usaha kerajaan tidak akan berjaya tanpa kerjasama rakyat bagi membanteras gejala keji itu.

Menjawab soalan Dr Syed Azman Syed Ahmad Nawawi (Pas-Kuala Terengganu), Noh berkata, rakyat tidak perlu sangsi dengan ketelusan kerajaan dalam menangani rasuah.